



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

PERISTIWA ISRA' DAN MI'RAJ

Tarikh Dibaca:

**26 REJAB 1444H/
17 FEBRUARI 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ يَنْزِلُ السَّمَاءَ الْوَهَّابِ
إِلَّا نَزَّلْنَا سَمَانًا مَلِيحًا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PERISTIWA ISRA' DAN MI'RAJ
17 FEBRUARI 2023 / 26 REJAB 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا

حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Peristiwa Isra' dan Mi'raj**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Kita telah pun berada di penghujung Bulan Rejab dan lebih kurang 33 hari sahaja lagi akan tibanya Ramadhan al-Mubarak. Maka marilah kita gigih meningkatkan amal ibadah dan sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT. Teruskan berdoa buat saudara-saudara kita di Turkiye dan Syria dan salurkan sumbangan buat mereka melalui Tiga Masjid Utama JAKIM dan sumbangan tersebut akan disalurkan ke dalam Tabung Musaadah bagi mangsa-mangsa gempa bumi di Turkiye dan Syria. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang diredhai dan diberkati.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Peristiwa Isra' dan Mi'raj merupakan salah satu dari mukjizat agung yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai satu bentuk penghormatan dan keistimewaan Baginda SAW berbanding nabi-nabi lain. Selain itu juga, peristiwa ini menjadi penghibur setelah Baginda SAW menerima layanan yang sangat buruk dari penduduk Taif.

Peristiwa Isra' dan Mi'raj terjadi pada tahun ke-10 kenabian. Namun para ulama berselisih pendapat tentang waktu kejadiannya. Namun begitu, tidak ada perselisihan tentang kebenaran peristiwa ini kerana ia jelas diabadikan dalam al-Quran dan hadis. Allah SWT menyebutkan peristiwa ini pada dua tempat dalam al-Quran, iaitu dalam Surah al-Isra' ayat pertama sebagaimana yang dibacakan pada awal khutbah tadi dan pengalaman Nabi Muhammad SAW melihat Jibrail AS secara terus di Sidratul Muntaha sebagaimana diceritakan dalam Surah al-Najm ayat 13-18.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam peristiwa ini, terdapat beberapa kisah penting yang diceritakan melalui beberapa hadis. Antaranya;

1. Peristiwa pembelahan dan pembersihan dada Nabi Muhammad SAW seperti yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan Ibnu 'Asakir.
2. *Isra'* iaitu perjalanan ruh dan jasad Nabi Muhammad SAW menaiki buraq dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa.
3. Nabi Muhammad diberi pilihan antara arak atau susu. Nabi memilih susu dan Jibrail AS berkata: "*Engkau telah (memilih) sesuai dengan fitrah*". Ia sebagai isyarat bahawa Islam merupakan cara hidup yang paling sesuai dan bertepatan dengan fitrah manusia.
4. *Mi'raj* iaitu perjalanan Baginda SAW dibawa naik melalui beberapa lapisan langit. Dalam perjalanan *Mi'raj* ini pula, diceritakan bahawa Nabi Muhammad SAW berjumpa dengan beberapa orang Nabi terdahulu hingga akhirnya perjalanan Rasulullah SAW sampai ke Sidratul Muntaha. Di sinilah, Allah SWT mewajibkan kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya untuk mendirikan solat 50 kali sehari semalam yang akhirnya dikurangkan kepada lima waktu sehari semalam.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Peristiwa agung Isra' dan Mi'raj ini benar-benar menguji keyakinan dan keimanan bukan sahaja umat yang ada pada waktu itu, tetapi juga menguji keimanan kita yang ada pada hari ini. Mampukah kita bertindak seperti Abu Bakar RA yang begitu sangat yakin terhadap Rasulullah SAW dan segala berita yang dibawa oleh Baginda? Ketika Rasulullah SAW menceritakan pengalamannya dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj ini, sebahagian besar masyarakat yang ada pada ketika itu mentertawakan baginda dan mendakwa baginda berdusta.

Hasil peristiwa ini yang menatijahkan kefardhuan solat lima waktu juga menjadi ujian keyakinan dan kesungguhan kita umat Islam dalam melaksanakan tuntutan solat lima waktu sehari semalam. Pensyariatan ibadah agung yang diterima dalam peristiwa agung ini menjadi petunjuk betapa tingginya nilai ibadah solat yang Allah SWT sebutkan juga

bahawa solat itu dapat mencegah seseorang dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ankabuut ayat 45:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ۝

Maksudnya: “*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan*”.

Solat itu kefardhuan yang diwajibkan atas tiap-tiap individu *mukallaf* dan mesti ditunaikan kerana ia merupakan ibadah pertama yang akan dihisab oleh Allah SWT di hari akhirat kelak. Nabi SAW bersabda:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ، فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ لَهُ سَائِرُ عَمَلِهِ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya amalan yang mula dihisab atas seseorang hamba pada hari kiamat adalah solat. Sekiranya baik solatnya maka baik segala amalannya, sekiranya buruk solatnya maka buruk segala amalannya*”. (Hadis riwayat Imam al-Tabrani)

Maka dirikanlah solat dan berusaha untuk mendirikan pada awal waktu dan sesempurna mungkin. Itulah penyelamat kita di hari akhirat kelak.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Selain itu juga, peristiwa agung ini menunjukkan kepada kita betapa sucinya Masjid al-Aqsa yang terletak di Baitul Maqdis, Palestin. Palestin yang dibuka oleh Nabi Ibrahim AS menjadi tempat kelahiran ramai kalangan para *anbiya'* AS dan kiblat pertama bagi umat Islam. Maka Baitul Maqdis dan terletaknya Masjid al-Aqsa merupakan tanah suci bagi umat Islam, namun tidak menghalang penganut agama lain berkunjung mengikut kepercayaan mereka. Negara haram Israel yang ditubuhkan hasil penipuan melalui

Perjanjian Balfour 1917 dan Perjanjian Sykes-Picot 1916 didokong dengan tindakan memecahbelahkan umat Islam atas perbezaan kaum dan mazhab. Mereka menubuhkan negara-negara mengikut peta yang dilakarkan oleh mereka sendiri dan dibahagikan dalam kalangan mereka yang bersama-sama menjatuhkan kerajaan Uthmaniyah yang sedang lemah ketika itu. Maka, inilah peranan kita umat Islam untuk sama-sama memelihara kesucian dan memperjuangkan kebebasan Palestin dari cengkaman Zionis Israel. Teruskanlah berdoa supaya saudara-saudara kita di Palestin diberi kekuatan dan kesabaran yang saban waktu terpaksa menghadapi kekejaman dan ketidakadilan Zionis Israel yang sombong dan sentiasa berpura-pura atas slogan hak asasi manusia.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan,

Pertama: Allah SWT sangat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Tiada yang mustahil bagi Allah SWT jika Dia menghendaki berlakunya sesuatu perkara walaupun ia mustahil pada akal manusia yang lemah. Kita wajib mengimani dan menyakini keagungan Allah SWT.

Kedua: Kita diwajibkan dengan kefardhuan solat lima waktu sehari semalam. Mendirikan solat bererti mendirikan agama, manakala meninggalkan solat ibarat meruntuhkan agama dalam diri. Mendirikannya juga dapat memelihara diri dari melakukan perbuatan yang keji dan mungkar.

Ketiga: Meyakini bahawa Islam merupakan suatu cara hidup yang paling tepat dan sesuai dengan fitrah manusia. Tidak ada ajaran lain selain Islam yang adil, benar, dan relevan dengan fitrah manusiawi dan boleh menyelamatkan manusia dari kesengsaraan dunia dan akhirat.

Renungkan firman Allah SWT:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ۚ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ۚ

Maksudnya: "(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang;". (Surah al-Muddaththir ayat 42-43)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَاءِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ، تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk

menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.